

08/02/2004

Kepercayaan pengundi asas pemilihan calon

Zainuddin Isa; Ziauddin Sharuddin

BERDASARKAN teori domino, Pas hebat mencanangkan Pahang akan jatuh ke tangan parti itu selepas Terengganu dan Kelantan berjaya dikuasai. Mampukah Pas mencapai cita-cita besar itu seperti diuar-uarkan dalam siri ceramah mahupun lidah rasmi parti pembangkang, Harakah.

Bagaimana dengan Barisan Nasional (BN), khususnya Umno sebagai tonggak kerajaan Pahang sekarang. Wartawan Berita Minggu, ZAINUDDIN ISA dan ZIAUDDIN SHARUDDIN, menemubual Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, di kediaman rasminya di Kuantan, Jumaat lalu, bagi menjelaskan pelbagai isu.

PAHANG menjadi sasaran Pas pada pilihan raya umum akan datang. Bagaimana Datuk Seri melihat hajat besar parti pembangkang ini?

Sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno, Pengerusi BN negeri dan Menteri Besar Pahang, ingin saya menjelaskan bahawa kenyataan Pas datangnya daripada pihak tertekan. Apa yang kerajaan dan parti lakukan selama ini ialah untuk memenangi hati dan jiwa rakyat melalui dua aspek penting, iaitu pendidikan dan kebajikan yang sudah mendapat sambutan baik rakyat. Ia sedikit sebanyak telah memperlihatkan BN dan kerajaan negeri prihatin terhadap kehendak rakyat dan ini menimbulkan kebimbangan kepada Pas.

Ini kerana selama ini mereka bergerak di kampung dengan menyatakan kita tidak mepedulikan nasib rakyat. Pemimpin Umno hanya mementingkan diri sendiri, tetapi apabila kita membuat program turun ke padang seperti menyampaikan bantuan pendidikan, sambutan rakyat begitu hebat dan ia menjejaskan peluang Pas untuk memenangi hati dan jiwa rakyat sebagaimana yang mereka harapkan. Mereka tiada modal lain hingga terpaksa mencari sesuatu untuk bergantung sebagai tempat untuk mendapat kekuatan. Apa yang kita lihat sekarang ialah Pas lebih menumpukan kepada propaganda dengan menyatakan akan menawan Pahang. Tidak! Daripada sumber yang boleh percayai dan bersumberkan orang Pas sendiri, mereka bukan lagi berhasrat menawan Pahang, malah sangat bertuah kalau dapat mempertahankan enam kerusi. Sebab itu kenyataan menyatakan Pas akan menawan Pahang hanya gertakan daripada pihak yang kecewa dan gagal menawan Pahang.

Apakah ini bermakna Umno dan BN yakin menawan kembali enam kerusi Pas, masing-masing satu daripada Keadilan dan DAP dalam pilihan raya umum nanti?

Kita telah menyiapkan jentera pilihan raya pada peringkat bahagian dan cawangan. Walaupun belum digerakkan sepenuhnya, Insya-Allah jika kita tekan butang, kita boleh gerakkan. Pada malam tadi (ketika majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak), secara tidak langsung, kita telah berjumpa dengan 1,200 pekerja jentera Umno seluruh Pahang dan ditambah dengan pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri menambahkan kekuatan kepada Umno dan BN Pahang. Saya ingin beritahu bahawa senario sebelum pelantikan Najib dan selepas tiga empat tahun kita melaksanakan dasar mesra rakyat, kita berasa yakin kita boleh merampas kembali lima daripada lapan kerusi yang jatuh di tangan pembangkang. Bagaimanapun dengan pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri, kita yakin, bukan takbur, boleh menang semua kerusi. Insya-Allah, tetapi dengan syarat tertentu.

Apakah syaratnya?

Calon yang sesuai, gerak kerja teratur, penuh disiplin dan langkah yang boleh memenangi hati dan jiwa rakyat.

Datuk Seri menyebut pemilihan calon yang sesuai. Apakah kriteria bagi menentukan sama ada seseorang calon itu sesuai atau tidak?

Sama ada calon itu sesuai atau tidak, terpulang kepada keadaan setempat dan masa. Mungkin pada suatu masa dulu, pengundi tidak begitu mempertikaikan sangat mengenai kelulusan, tetapi sekarang kelulusan mungkin menjadi prasyarat, tetapi ada tempat tertentu sekarang ini pun, kelulusan mungkin tidak menjadi begitu penting, yang lebih penting ialah komitmen seorang calon itu jika dipilih dan menang menjadi wakil rakyat terhadap kawasanya. Ada sesetengah tempat pula, mungkin pengundi inginkan seorang yang berlatar belakang agama atau korporat. Ini semua kita kaji kesesuaiannya dan masukkan di mana yang sesuai. Kita mesti ingat politik ini berubah. Suatu masa dulu, siapakah golongan yang menghidupkan serta menjadi tulang belakang Umno? Guru-guru. Sekarang, bilangan guru dalam perwakilan Umno bahagian ke perhimpunan agung Umno, sebagai contoh sudah berkurangan. Jadi kita kena tengok perubahan masa. Bukan pula saya katakan guru tidak penting, tetapi sebagai contoh. Fokus kita perlu diubah mengikut kesesuaian masa.

Seorang calon itu dipertandingkan dengan harapan dia boleh menang dan memenuhi kehendak pengundi kawasan itu. Jika seorang wakil rakyat tidak dipilih semula bertanding, bukan bermakna dia mementingkan diri, tidak layak, menyalahgunakan kuasa atau gagal sebagai wakil rakyat. Mungkin masa dan tempat pada masa itu tidak memerlukan dia lagi. Jadi, soal kesesuaian calon ini kita ikut tempat dan masa. Kita juga tengok siapa pembangkang akan letak sebagai calon. Sebagai contoh, katakan di kawasan pilihan raya itu, majoriti pengundi perempuan, kemudian latar belakang kebanyakannya agama, kalau pembangkang letak seorang ustazah, takkan kita hendak letak tokoh fesyen pula. Mesti orang yang sesuai seperti ustazah. Kalau kawasan itu ramai belia, pengundi bawah 25 tahun dan pemikiran mereka lebih terbuka, mungkin dari segi pakaian perlu mengikut cara belia. Kita kena ada calon seperti itu. Takkan hendak letak pak haji dengan jubah serban bertanding di situ.

Senario di Pahang, Pas adalah pembangkang terkuat. Bagi menghadapi parti itu, adakah Umno akan memberi keutamaan kepada calon berlatar belakang agama?

Tidak! Sebenarnya untuk menghadapi Pas tidak semestinya dengan hanya orang berfikiran agama kerana Pas bukannya agama. Untuk menjadi ahli Pas tidak perlu kelulusan agama. Ada seorang kawan saya di Bentong, tak pernah bersekolah agama, jauh sekali sekolah Arab, sekarang sudah jadi ustaz, 'calling card' dia mencatatkan ustaz kerana dia aktivis Pas di kawasan itu. Untuk berlawan dengan Pas tidak semestinya memerlukan tokoh agama. Kita perlu menggunakan kaedah yang boleh masuk akal dalam masyarakat. Contohnya, mereka menyatakan mengundi Pas masuk syurga, mengundi Umno masuk neraka. Kita boleh tanya balik. Bila Pas wujud? Rasulullah hidup bila? 1,400 tahun lalu. Adakah Rasulullah tidak mengundi Pas ketika itu, tidak ke syurga. Mustahil. Menghadapi Pas ini ialah dengan menggunakan fakta yang diterima akal di kalangan pengundi. Saya nak jelaskan bahawa bukan semua orang Pas berkelulusan agama. Bahkan fikiran mereka cetek, menyebut ayat al-Quran dan hadis Rasulullah pun tidak betul. Dari segi nahu tidak pandai, makhraj tak betul, baris atas pergi baris depan, baris bawah pergi baris depan. Tetapi bagi orang kampung yang tidak tahu ini, Oh! dia ini hebat, jadi kita mesti terangkan kepada orang kampung, mereka ini menyebut hadis tak betul, nama malaikat pun tak betul, Jibril disebut Jiberail! Ini sekadar contoh kecil. Tidak semestinya kita kena letak calon latar belakang agama sebab orang sekarang nak agama, Pas mainkan isu agama, kononnya Pas itu Islam. Ini kita kena betulkan bahawa Pas itu bukan agama Islam. Perjuangan Pas adalah berasaskan 'loyar buruk' memutarbelitkan al-Quran dan hadis Rasulullah. Bagaimanapun, di tempat

yang sesuai letakkan calon agama, kita akan ketengahankan. Dalam pemikiran kita sekarang, ada empat lima tokoh agama yang berwibawa yang boleh memikat hati pengundi.

Bagaimana dengan dakwaan Pas kuat di kawasan tanah rancangan Felda negeri ini?

Saya tak nampak logik bahawa kawasan peneroka menjadi kubu kuat Pas. Di Felda Bilut, iaitu kawasan Felda pertama di Malaysia yang dibuka pada 1956, mereka sokong kita. Felda Perting di Bentong yang dibuka pada 1964, juga menyokong kita. Felda Mempaga I, II dan III yang dibuka pada 1970-an menyokong kita. Situasi di Felda Jengka berbeza kerana keadaan ketika itu serta (Datuk) Tuan Ibrahim Tuan Man (Adun Jengka) diberi peluang sebagai penceramah televisyen, maka dia terkenal, kononnya sebagai tokoh agama. Dia juga ada pengikut, kemudian bertanding dan menang. Soal peribadi dia, itu pun kita yang mengetengahankan dia. Jadi kalau kita boleh tunjuk bahawa dia bukan tokoh agama berwibawa, macam mana waktu mengajar ceramah ke hulu ke hilir, bila mengajar, bila berceramah. Adakah Islam membenarkan. Mungkin siang mengajar, malam berceramah, takkan tak pernah cuti pun bila pergi ke Sabah, Sarawak. Ini menunjukkan tak betul. Di kawasan Bera sebagai contoh, Yang Berhormat (Datuk) Mohd Hayani (Abdul Rahman), kawasannya banyak orang Felda. Kawasan saya ada tiga Felda. Di Rompin, Datuk Hassan Ariffin dan Datuk Maznah Mazlan di Muadzam Shah, juga ada Felda. Jadi kalau nak katakan bahawa Felda adalah kubu kuat Pas tak betul sebab ada juga kawasan yang tiada Felda, Pas menang. Contoh kawasan Tahan. Ini bukan soal Felda, tetapi lebih kepada keadaan ketika itu dan calon.

Bagaimana dengan sikap pengundi di kawasan yang diwakili pembangkang ketika ini?

Saya perhatikan lebih kurang setahun setengah selepas pilihan raya umum 1999, apabila harga kelapa sawit naik, kemudian bekas Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad), yang pendekatannya menangani masalah ekonomi diakui benar oleh tokoh yang sebelum itu menentangnya dan selepas kerajaan negeri menunjukkan kesungguhan membela nasib rakyat seperti mewujudkan bantuan pendidikan, nampaknya rakyat telah berubah fikiran terutama pada peringkat akar umbi. Rakyat melihat kita mengambil berat masalah mereka. Orang akan tanya macam mana Menteri Besar tahu, macam mana kerajaan negeri tahu. Kita tahu melalui pelbagai kajian yang dibuat oleh pelbagai sumber dan kemudian dibincangkan. Kita tahu ada perubahan daripada tak puas hati kepada menyokong kerajaan.

Bagaimana pula Datuk Seri melihat prestasi parti pembangkang mentadbir lapan kawasan yang mereka menang?

Saya perhatikan kawasan yang dimenangi pembangkang hingga ke saat ini dari segi keberkesanan wakil rakyatnya kosong. Sebagai pembangkang, mereka tidak mendapat bantuan daripada kerajaan yang dikuasai BN. Kalau kerajaan beri bantuan berlebihan kepada Adun pembangkang, apa erti politik? Ini memang perkara biasa. Di Kelantan dan Terengganu, takkan Adun BN dapat keistimewaan daripada kerajaan. Dengan demikian, keberkesanan khidmat parti pembangkang kurang. Mereka tidak duduk di pelbagai jawatankuasa pembangunan daerah. Mereka setakat boleh menjual 'loyar buruk'. Merana rakyat di kawasan itu, tetapi bantuan kerajaan diteruskan, kita bantu melalui saluran kita. Baru-baru ini saya pergi ke Semantan, ada satu kampung yang dulunya peti undinya kita kalah, tetapi ketika lawatan itu semua penduduk kampung keluar. Kita sebagai manusia, boleh tengok air muka, itu orang katakan firasat, body language kita tengok air muka orang itu ada perubahan, nampak ada kejujuran dan keikhlasan.

Pembangkang menggunakan beberapa isu seperti balak untuk menyerang kewibawaan kerajaan negeri dan Datuk Seri sendiri. Apa komen Datuk Seri mengenai taktik terbaru ini?

Sebelum saya membuat laporan polis, mereka boleh tohmah macam-macam,

terutama isu balak kononnya pemimpin, terutama menteri besar rasuah, tetapi apabila saya membuat laporan polis dalam bentuk jenayah fitnah dan bukan tindakan sivil. Kita minta polis siasat dan biasanya dalam tindakan ini, beban untuk membuktikannya adalah kepada pengadu. Maknanya jika ada kesilapan mana-mana, tindakan kita tidak akan menjadi apa-apa kepada pihak yang diadukan. Apabila kita bangkitkan perkara ini. Senyap! Sebab mereka tahu takkan menteri besar berani buat laporan kalau benar-benar melakukan rasuah, menyalahgunakan rasuah. Tetapi ini dalam siasatan polis. Pokoknya isu balak, isu hudud, isu gerakan agama Islam tertekan, boleh dijawab. Dari segi pemberian tanah balak kepada Yayasan Pahang. Sekarang bantuan untuk Yayasan Pahang ialah RM68 juta, dulu RM20 juta saja, mana datang duit ini? Semua adalah hasil balak. Pembangkang kini terdesak hingga menggunakan taktik menyerang peribadi, tetapi saya tidak bimbang kerana taktik ini boleh diserang balik. Isu khalwat, bini tiga atau apa saja, bahkan saya seronok mereka timbulkan isu itu. Tetapi sekarang saya kurang seronok kerana Harakah semakin hambar, tak ada apa-apa pun isu untuk kita jawab.

Bagaimana dengan wakil rakyat lain jika pembangkang menyerang peribadi mereka?

Saya sering ingatkan wakil rakyat lain supaya menjaga moral, tingkah laku dan gaya hidup. Bagi menghadapi serangan peribadi, wakil rakyat tahu jaga hal masing-masing. Bagaimanapun, jika perlu kita tukar wakil rakyat, kita tukarlah. Bagaimanapun, apabila tiba masanya untuk membuat keputusan mengenai calon pilihan raya, yang tidak bertanding lagi bukan bermakna tidak baik. Hakikatnya, sekarang tidak ramai lagi seperti pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir, yang sukarela menawarkan diri untuk tidak bertanding. Apabila tidak ada yang menawarkan, maka mekanisme parti perlu dijalankan.

Berapa ramai wakil rakyat akan diganti muka baru di Pahang?

Berdasarkan kedudukan sekarang, kira-kira 30 peratus pasti digantikan. Bagaimanapun, ada bekas wakil rakyat atau mereka yang kalah dalam pilihan raya lalu diberi tempat sebagai calon. Walaupun tak ramai, hanya seorang dua, ia boleh berlaku. Mereka masih mempunyai pengikut dan kekalahan mereka juga kerana faktor tempat dan masa. Saya ingin juga menegaskan bahawa dalam pilihan raya, kita bukan mencari tokoh yang kuat dalam parti, tetapi mereka yang mendapat kepercayaan oleh pengundi. Fokus kita ialah pengundi dan bukan parti. Ada kemungkinan mereka yang berkedudukan ketua bahagian, ketua pemuda, ketua wanita dan ketua puteri, bahkan pengerusi perhubungan Umno negeri atau saya sendiri tidak dipilih bertanding kerana yang dinilai ialah penerimaan masyarakat. Jadi mungkin ahli jawatankuasa atau pemeriksa kira-kira atau pengerusi tetap dipilih atau daripada ketua bahagian hingga ahli jawatankuasa langsung tidak dipilih bertanding.

Boleh Datuk Seri ulas mengenai dakwaan ada penduduk dari Kedah dipindahkan ke tempat terpencil di Pekan untuk dijadikan pengundi hantu dalam pilihan raya akan datang?

Kita tak pernah buat begitu. Apa perlu kita pindahkan pengundi kerana orang Pekan telah menyedari kesilapan mereka. Di mana-mana kita membantu rakyat dengan membuka tanah atau menyediakan peluang perniagaan. Di Sungai Miang seperti yang didakwa itu, mereka adalah cucu cicit orang Melayu Kedah yang pernah dibawa lari menjadi buruh kereta api maut. Di sana mereka tak ada tanah dan datang ke situ untuk bercucuk tanam. Saya tak melihat ini sebagai isu kerana di Rompin pun ada beribu-ribu orang Kedah yang menanam padi huma dan diberi hak milik tanah sementara (TOL), tetapi tidak jadi isu pula. Apakah salah mereka dibenarkan meneroka tanah? Orang yang membangkitkan perkara ini tidak tahu bahawa pentadbir tanah diarah berikan TOL kepada mereka yang perlukan tanah, kerana proses mendapatkan hak milik tanah tetap lambat. Saya suka mereka memainkan isu kerana kita

boleh jawab.